



Pendidikan & Latihan



Galak buat kajian menyeluruh

■ Penuntut AeU didedah dengan kaedah betul sebelum turun ke lapangan

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Selaku satu-satunya universiti di Asia yang ditubuhkan atas inisiatif platform antarabangsa iaitu Dialog Kerjasama Asia, Asia e University (AeU) sangat menggalakkan pelajar untuk menjalankan kajian yang mampu memberi manfaat menyeluruh iaitu tidak hanya kepada rakyat Malaysia, malah melangkaui sempadan negara dan budaya.

Satu daripadanya adalah berkenaan kelangsungan sosiobudaya, evolusi sosial, transisi sastera dan survival kemanusiaan yang telah, sedang dan mungkin berlaku di negara Asia.

Menurut Pemangku Dekan, Sekolah Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial, Mohd Fazil Ismail, kajian berkenaan isu sosial dan kemanusiaan tidak pernah bersempadan dan bertitik noktah sejak dari manusia itu mula berinteraksi.

Bermula daripada aspek agama, bahasa, kesenian, pendidikan, dasar hubungan luar dan ekonomi, Asia menawarkan ruang pengkajian yang sangat luas untuk mereka yang berminat.

Beliau yang baru kembali dari Kathmandu dan Pokhara di Nepal, menjalankan tinjauan ringkas selama tujuh hari mengenai budaya serta cara hidup masyarakat yang tinggal di kawasan pergunungan ke Annapurna.

Sebagaimana industri pelancongan di kawasan pergunungan yang menjadi daya penarik utama di Nepal, kehidupan mereka yang tinggal berhampiran kawasan itu turut menjadi sesuatu yang menarik untuk dikaji.

Di AeU, terdapat tiga program pendidikan yang menyediakan laluan kajian berkenaan Asia kepada anda iaitu Sarjana Kemanusiaan dan Sastera (MHA), Sarjana Sains Sosial (MSS) dan Doktor Falsafah dalam Sastera (PhD Arts).

Pengambilan untuk program Sarjana dibuat tiga kali dalam setahun iaitu pada ambilan semester Januari, Mei dan September, manakala untuk program Dok-

tor Falsafah, ia dibuka sepanjang tahun.

Penuntut akan didedahkan dengan kaedah yang betul dalam melakukan kajian sebelum mereka berada di lapangan. Selain itu, AeU akan menyediakan seorang penyelia yang berkualiti dalam memberi tunjuk ajar ke arah menyediakan bahan kajian yang bermutu dan memenuhi standard ditetapkan.

Antara perkara utama yang diberi perhatian dalam memilih cabang pendidikan adalah aspek ikhtisas atau pentaunihan. Sebagaimana AeU memandang serius aspek ini, semua program akademik bukan eksekutif AeU turut memperoleh pengiktirafan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Pematuhan terhadap garis panduan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia adalah perkara terpenting yang diberi perhatian oleh institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta di Malaysia dan AeU tidak terkecuali.

"Kami memastikan kualiti kandungan program dan ahli akademik yang terbabit adalah bertepatan dengan peraturan yang ditetapkan," kata Mohd Fazil.

Ketika berada di Nepal, beliau berjaya mengibarkan bendera AeU di Annapurna Base Camp (ABC), yang berada pada ketinggian 4130 meter dari paras laut.

AeU komited membuka peluang pendidikan secara meluas dalam kalangan warga bekerja sebagai memenuhi agenda negara membangunkan modal insan berkualiti.

AeU juga memiliki peranan yang cukup unik dalam menyediakan program yang relevan dengan kehendak industri seiring perkembangan ekonomi di peringkat nasional dan juga global.

Ketika ini, AeU menawarkan lebih 30 program pengajian yang dilulus dan diiktiraf Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi 1 300 300 238 atau memohon secara talian di laman web www.aeu.edu.my



LAWATAN ke Shree Rising Sun Academy, Dhampus, Pokhara, Nepal. Gambar kecil, Mohd Fazil bersama bendera AeU di Annapurna Base Camp, Nepal.

FAKTA

Di AeU, terdapat tiga program pendidikan yang menyediakan laluan kajian berkenaan Asia